

01 DEC 2003

Musa-Sekolah

SEMUA SEKOLAH LUAR BANDAR DI SABAH, SARAWAK AKAN ADA AIR DAN ELEKTRIK

KUCHING, 1 Dis (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata semua sekolah di luar bandar di Sarawak dan Sabah akan dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik menjelang akhir tahun hadapan.

"Kita sedang mengorak langkah untuk memperbaiki keadaan ini dan kebanyakan sekolah-sekolah yang tidak ada air dan elektrik sudah hampir siap diberi kemudahan ini," katanya kepada pemberita selepas melawat Maktab Perguruan Batu Lintang di sini hari ini.

Katanya Kementerian Pendidikan telah memberi keutamaan kepada perkara itu seperti yang dijanjikan dua tahun lepas sempena lawatan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ke Miri, Sarawak.

"Kita akan melihat senario yang amat berbeza sekali di sekolah-sekolah di luar bandar di kedua-dua buah negeri ini menjelang akhir tahun 2004," kata Musa.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan mahu semua sekolah di bandar dan luar bandar mendapat kemudahan asas yang baik dan terkini.

Menurutnya, kemudahan lain seperti jalan raya dan rumah untuk guru-guru sudah siap dibina di kawasan pedalaman di seluruh Sarawak dan Sabah.

"Dengan kemudahan seperti jalan, air, elektrik dan rumah guru, kita berharap tenaga pengajar akan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan dinamik," katanya.

Mengenai gejala sosial, Musa mahu guru-guru memainkan peranan lebih menyeluruh dalam menangani masalah itu.

"Komitmen ini harus berterusan supaya murid-murid yang keluar sekolah akan menjadi manusia yang berguna kepada bangsanya," katanya.

Musa juga mahu tenaga pengajar lebih memberi perhatian kepada meninggikan mutu pengajaran Bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

FLL MAI